



KONVENTENSYEN *Wasatiyyah* 2

Mendorong Perpaduan, Kukuhkan Persahabatan

26 APR 2025, SABTU



Wasatiyyah Dalam Kemasyarakatan

Speaker

**USTAZ MUHAMMAD
HANIFF HASSAN**

Phd :
DOKTOR FALSAFAH (KAJIAN STRATEJIK), SEKOLAH
PENGAJIAN ANTARABANGSA S. RAJARATNAM (RSIS),
NANYANG TECHNOLOGICAL UNIVERSITY (NTU)

Moderator

USTAZ SUFFIAN EUOPE


BA :
USULUDDIN
(UNIVERSITI AL AZHAR, CAIRO)

(Pembentangan kertas kerja 2.00 PM- 3.00 PM)

Pengenalan

- Erti wasatiyyah
 - dari kalimat Al-Quran, “..ummatan wasatan..” (2:143)
 - maksud: seimbang dan saksama (justly balanced)
 - sifat bagi umat Islam
 - > wajib amalkan wasatiyyah dalam apa jua perkara

- Dalam konteks Singapura
 - Pergas pelopor
 - keperluan dari situasi pasca 9/11 dan pendedahan kes JI di Singapura (2001 – 2002)
 - bina kesepakatan asatizah melalui Konvensyen Ulama I (2003)
 - terbit buku
 - perjelas kefahaman dan amalan wasatiyyah dalam konteks Singapura
 - dirumuskan dalam Piagam Kesederhanaan Pergas 2004
 - > asas bagi Kod Etika Asatizah di bawah ARS (Asatizah Recognition System)



- Topik pembentangan
 - bukan isu baru
 - telah ditangani oleh Pergas dalam buku yang diterbitkan
 - pembentangan akan berdasarkan buku Pergas
 - > pendirian yang telah disepakati
 - > sedikit tambah baik
 - aspek kemasyarakatan terhad pada konteks Singapura sahaja
 - > keutamaan fokus
 - > keterbatasan ruang dan masa

- Masyarakat Singapura
 - Muslim adalah minoriti
 - Muslim bebas amalkan syiar utama agama
 - majoriti Muslim Singapura adalah Melayu bermazhab ASWJ / Syafi`ii / Asya`irah
 - Singapura negara sekular, demokrasi, majmuk, bermajoriti bukan Muslim, kosmopolitan, ekonomi membangun yang maju (advanced developing economy)
 - terletak di rantau Nusantara (bermajoriti Melayu dan Muslim)

- 10 adab / prinsip wasatiyyah dalam kemasyarakatan
 - 1) berlandaskan ajaran Islam
 - 2) utamakan sifat aman
 - 3) mematuhi undang-undang
 - 4) akur sifat sekular dan demokrasi Singapura
 - 5) menerima kepelbagaian
 - 6) mengambil kira konteks
 - 7) menghormati golongan lain
 - 8) mengamalkan inklusif
 - 9) penyumbang aktif
 - 10) bersifat membina

1- Berlandaskan Ajaran Islam

- Maksud
 - bersandarkan Al-Quran dan hadis yang sahih
 - berpandukan tafsiran ulama Ahlis Sunnah Wal Jamaah yang muktabar
 - bermanhaj tradisi ilmu pengajian Islam yang tulen
- Berpegang teguh pada qat`iyyat
 - thawabit (prinsip yang tidak berubah-ubah)
 - kebenaran mutlak
 - pegangan yang disepakati ulama

- Berlapang dada dalam perkara zanniyat
 - mutaghayyirat (hukum yang boleh berubah-ubah)
 - kebenaran spekulatif
 - hasil dari ijтиhad dan tafsiran ulama

Qat`iyyat	Zanniyat
<ul style="list-style-type: none"> • Mengingkari kemunkaran • Mencegah kezaliman 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan qunut nazilah • Boikot / demonstrasi / petisyen • Melaknat / tidak melaknat mereka yang zalim • Melakukan sesi solat hajat beramai-ramai • Bersikap neutral • Beruzlah

- “9. Bahawa khilaf hanya tidak berlaku dalam persoalan yang mempunyai nas yang qat’ii. Dalam persoalan yang tidak mempunyai nas yang qat’ii, khilaf berkemungkinan wujud, samada dalam bidang aqidah, ibadah atau muamalah.”
- “10. Khilaf dalam persoalan yang tidak mempunyai nas adalah diterima selama mana pandangan berkenaan mempunyai dalil yang sejajar dengan ilmu Usul Fiqh. Yang tidak dapat diterima ialah, khilaf yang terkeluar dari adab-adab ikhtilaf yang disepakati oleh para ulama.”

- “13. Dalam persoalan ijtihadi, seseorang tidak boleh mendakwa bahawa pandangan yang dipegangnya sahaja betul dan pandangan yang lain adalah salah, sesat atau bid’ah.”
- “19. Tidak menjadikan persoalan khilafiyah sebagai bahan kontroversi, polemik dan pertelingkahan dalam masyarakat. Perbincangan secara objektif dan ilmiyah digalakkan pada tempat dan dengan mereka yang sesuai.”

- “20. Tidak mengkafirkan, menfasiq, mencela peribadi yang lain, membid`ahkan seseorang atau memanggil seseorang dengan nama-nama yang buruk pada persoalan khilafiyah atau kerana khilaf yang berlaku atau kerana kejahatan orang berkenaan.”
- “27. Menghormati kedudukan penguasa dan beradab dalam menegur adalah dari adab Islam yang mulia dan manifestasi sifat sederhana.”

- Bacaan
 - Pendekatan Wasatiyyah Dalam Memahami Absolutisme Dalam Beragama,
<https://haniff.sg/artikel-pajang/artikel-pajang-pendekatan-wasatiyyah-dalam-memahami-absolutisme-dalam-beragama/>

2- Mengutamakan Sifat Aman

- Aman dalam usaha


“2. Kita beriltizam untuk sentiasa memelihara keamanan dan tidak menggunakan jalan-jalan kekerasan dan pengganasan dalam amalan beragama dan dalam menyampaikan aspirasi kita. Kita memahami jihad dalam erti kata yang luas. Jihad bersenjata hanya ke atas mereka yang memerangi kita.”

- Menjadikan perdamaian asas hubungan dengan semua pihak (Muslim dan bukan Muslim)

“5.Kita berhasrat untuk menjalin hubungan dengan kepelbagaian ini atas dasar keamanan dan keharmonian hidup bersama. Hubungan kita dengan atas dasar saling hormat menghormati dan keinginan untuk memupuk kefahaman, toleransi dan keyakinan terhadap satu sama lain.”

- Asas pendirian
 - Islam bermaksud sejahtera dan aman
 - salam adalah ucapan Muslim
 - rahmat bagi seluruh alam (21:107)
 - utamakan perdamaian (8:61)
 - kekerasan tidak sesuai dengan fitrah (3:159)
 - membalaik kejahatan dengan kebaikan (41:34)
 - Madinah ditegak melalui dakwah yang aman
 - pelajaran dari Perjanjian Hudaibiyah
 - Islam pernah tersebar di Nusantara dan Cina dengan cara aman

- Tidak anggap semua bukan Muslim sebagai musuh
 - permusuhan hanya kepada yang memusuhi
- Bacaan
 - Muslim...Moderat...Warga Singapura,
<https://haniff.sg/artikel-panjang/muslim-moderate-warga-singapura/>
 - Common Word Project, lihat
<http://www.acommonword.com/>
 - Deklarasi Marakesh,
<http://marrakeshdeclaration.org/>



- Bacaan
 - Kehidupan Bersama Antara Muslim dan Masyarakat Lain: Empat Model Dari Petunjuk Nabi s.a.w Bagi Meletak Asas dan Tujuan, <https://haniff.sg/buku-saya/buku-terjemahan-saya-kehidupan-bersama-antara-muslim-dan-masyarakat-lain-empat-model-dari-petunjuk-nabi-s-a-w-bagi-meletak-asas-dan-tujuan/>



KEHIDUPAN BERSAMA ANTARA
MUSLIM
 DENGAN KAUM LAIN

*Empat Model Dari Petunjuk Nabi s.a.w.
 Bagi Meletak Asas Dan Tujuan*

Oleh
 Sheikh 'Ali Jum'ah
 Terjemahan
 Muhammad Haniff Hassan

3- Mematuhi Undang-undang

- “1. Kita beriltizam untuk menghormati prinsip-prinsip demokrasi dalam kehidupan bermasyarakat dan dalam memajukan aspirasi masyarakat Islam. Atas dasar itu juga, kita beriltizam untuk sentiasa mematuhi undang-undang dan aturan dalam tindak tanduk kita.”

- “5. Kita mencintai tanahair ini dan berkepentingan untuk bersama memajukannya dan memastikan ia terus membangun dan makmur dalam segala bidang di bawah panduan prinsip agama kita. Kita menerima sifat kesingapuraan seiring dengan identiti bangsa dan agama kita. Kepelbagaian identiti ini pastinya akan menimbulkan percanggahan dalam keadaan tertentu, namun kita beriltizam untuk mencari titik pertemuan bagi kesemuanya secara saksama. **Apa jua perbezaan akan ditangani sejajar dengan prinsip demokrasi, mengikut lunas undang-undang dan melalui proses yang aman.”**

- Mematuhi undang-undang negara termasuk dalam mematuhi syariat
- Asas pendirian
 - Islam anjurkan ketertiban
 - > tertib adalah syarat dalam banyak ibadat
 - maslahat
 - > tiada komitmen untuk patuh undang-undang, orang lain akan lakukan yang sama pada Muslim
 - > fiqh kehidupan di Habshah
 - Al-Quran iktiraf prinsip emas (golden rule)
 - > lakukan kepada orang lain sebagaimana kita mahu diperlakukan
 - > jangan lakukan kepada orang lain apa yang kita tidak suka diperlakukan (83:1-3)

- Ketahui dan gunakan saluran yang betul
- Bacaan
 - Muslim...Moderat...Warga Singapura,
<https://haniff.sg/artikel-panjang/muslim-moderate-warga-singapura/>

4- Akur Sifat Sekular dan Demokrasi Singapura

- “4. Kita beriman bahawa Islam adalah satu cara hidup yang komprehensif dan kita menolak pemisahan antara urusan dunia dan agama. **Namun kita menanggapi secara positif negara sekular yang menjamin kebebasan beragama, mengakui peranan positif agama dalam pembangunan masyarakat, tidak berusaha untuk menyisih peranan agama dan ia adalah wadah yang neutral bagi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat dan beragama. Ia adalah pilihan yang praktikal bagi realiti masyarakat minoriti Islam Singapura**

- “5.Apa jua perbezaan akan ditangani sejajar dengan prinsip demokrasi, mengikut lunas undang-undang dan melalui proses yang aman.”
- Pada prinsipnya, terdapat perbezaan mendasar antara sekularisme dengan Islam
- Iktiraf bahawa sekularisme di Singapura bukan anti agama
 - negara sebagai institusi neutral
 - jamin kebebasan agama
 - iktiraf peranan positif agama dalam masyarakat
- Maslahat Muslim minoriti lebih terpelihara di bawah negara sekular yang demokratik

- Lawan bagi demokrasi ialah pemerintahan kuku besi
 - Islam cela pemerintahan kuku besi i.e. Firaun
- Islam anjurkan syura dalam semua urusan
- Proses demokrasi adalah sistem terdekat dengan anjuran syura pada hari ini
 - demokrasi bukan ideal
 - tapi tiada demokrasi = hilang maslahat dan sebab mudarat lebih besar
 - perlu bezakan antara “procedural democracy” dan “philosophical democracy”

5- Menerima Kepelbagaian

- “3. Kepelbagaian adalah sebahagian dari lumrah alam yang diciptakan Allah Ta’ala, maka kita menghadapinya dengan sikap yang positif. Kita tidak memusuhi perbezaan dan kepelbagaian dalam apa juu bentuk samada agama, bangsa atau budaya. Kita berhasrat untuk menjalin hubungan dengan kepelbagaian ini atas dasar keamanan dan keharmonian hidup bersama. Hubungan kita dengan atas dasar saling hormat menghormati dan keinginan untuk memupuk kefahaman, toleransi dan keyakinan terhadap satu sama lain.”


- Kepelbagaian adalah semula jadi
 - “live and let live”, perlu hidup bersama
 - hormat
 - toleransi
 - kepelbagaian, bukan keseragaman
- Hidup dalam masyarakat majmuk bukan satu masalah
 - Islam benarkan penyesuaian dan keanjalan
 - ruang penyesuaian dan keanjalan = zanniyat/mutasyabihat, bukan qat`iyyat/muhkamat
 - > zanniyat/mutasyabihat secara kuantitatif lebih banyak = ruang keanjalan amat luas
- Dakwah bukan untuk menjadikan semua manusia menjadi Muslim (11:118-9)

6- Mengambil Kira Konteks

- “26. Menerima bahawa fatwa dan pandangan para ulama amat berkaitan dengan konteks masa, suasana dan persekitaran. **Fatwa dan pandangan berkenaan boleh berubah dengan perubahan masa, suasana dan persekitaran selama mana bukan melibatkan sesuatu yang tsabit secara qat’ii.”**

- Asas pendirian
 - Al-Quran diturunkan secara bertahap-tahap (17:106, 25:32)
 - > 23 tahun
 - kewujudan naskh (pemansuhan hukum) (2:106, 16:101)
 - kewujudan rukhsah (hukum keringanan) (2:185, 4:43)
 - kepentingan asbab al-nuzul (sebab turun Al-Quran) dalam tafsir (2:189, 5:93)
 - perbezaan hukum kerana perbezaan manusia
 - > hadis tentang amal yang terbaik
 - > hadis tentang jihad
 - > hukum iddah bagi isteri yang diceraikan
 - kaedah-kaedah fiqh akui pertimbangan konteks

- Bacaan
 - Muslim...Moderat...Warga Singapura, <https://haniff.sg/artikel-pjang/muslim-moderate-warga-singapura/>
 - Kontekstualisasi Islam Di Singapura: Tinjauan Awal Terhadap Dalil-dalil Syarak, Sejarah dan Aplikasi Masa Kini,
<https://haniff.sg/pautan/artikel-pjang/kontekstualisasi-islam-di-singapura-tinjauan-awal-terhadap-dalil-dalil-syarak-sejarah-dan-aplikasi-masa-kini/>




7- Menghormati Golongan Lain

- “3. Kepelbagaian adalah sebahagian dari lumrah alam yang diciptakan Allah Ta’ala, maka kita menghadapinya dengan sikap yang positif. Kita tidak memusuhi perbezaan dan kepelbagaian dalam apa juu bentuk samada agama, bangsa atau budaya. **Kita berhasrat untuk menjalin hubungan dengan kepelbagaian ini atas dasar keamanan dan keharmonian hidup bersama.** Hubungan kita dengan atas dasar saling hormat menghormati dan keinginan untuk memupuk kefahaman, toleransi dan keyakinan terhadap satu sama lain.”

- Asas pendirian
 - Al-Quran iktiraf prinsip emas (golden rule)
 - > lakukan kepada orang lain sebagaimana kita mahu diperlakukan
 - > jangan lakukan kepada orang lain apa yang kita tidak suka diperlakukan (83:1-3)
 - maksud dan semangat dari 7:108 dan 49:11, 13
 - Nabi s.a.w ambil kira persepsi orang lain
 - > tidak membunuh orang munafik (63:7-8)
 - > tidak mengubah Kaabah sesuai dengan saiz asal
 - fikih kehidupan di Habshah
 - kasihi untuk dikasihi (hadis)
 - > hormati untuk dihormati

- Bacaan
 - Muslim...Moderat...Warga Singapura, <https://haniff.sg/artikel-panjang/muslim-moderate-warga-singapura/>
 - Kehidupan Bersama Antara Muslim dan Masyarakat Lain: Empat Model Dari Petunjuk Nabi s.a.w Bagi Meletak Asas dan Tujuan, <https://haniff.sg/buku-saya/buku-terjemahan-saya-kehidupan-bersama-antara-muslim-dan-masyarakat-lain-empat-model-dari-petunjuk-nabi-s-a-w-bagi-meletak-asas-dan-tujuan/>



8- Mengamalkan Inklusif

- Bertolak dari prinsip
 - aman/rahmat untuk semua
 - menerima kepelbagaian sebagai hukum alam
- Asas pemikiran
 - Islam adalah rahmat bagi semua (21:107)
 - Allah bersifat dan mendahulukan Al-Rahman
 - > Al-Rahman bermaksud rahmat untuk semua

- Inklusif
 - Muslim yang pelbagai mazhab, tidak hanya kepada kelompok sendiri sahaja
 - bukan Muslim yang berbeza agama, tidak hanya untuk sesama Muslim
 - golongan berkeperluan istimewa dan lemah i.e. OKU, warga emas
 - segala strata sosial i.e. tidak elitis
 - rakyat Singapura dan golongan migran di Singapura
 - semua makhluk i.e. haiwan, alam persekitaran
 - tidak terbatas kepada warga Singapura sahaja = berminda global

- Bacaan
 - Allah Suka Sifat Rahmat Yang Inklusif, di
<https://haniff.sg/dakwahalquran/pesanan-dari-al-quran-91-allah-suka-sifat-rahmat-yang-inklusif-2-februari-2024/>
 - Sikap Islam Terhadap OKU (1), di <https://haniff.sg/artikel-pendek/artikel-sikap-islam-terhadap-oku-bah-1/>
 - Sikap Islam Terhadap OKU (2), di <https://haniff.sg/artikel-pendek/artikel-sikap-islam-terhadap-oku-bah-2/>

9- Penyumbang Aktif

- “5.... Hubungan kita dengan atas dasar saling hormat menghormati dan keinginan untuk memupuk kefahaman, toleransi dan keyakinan terhadap satu sama lain.”
- Asas pemikiran
 - anjuran tolong menolong dengan semua (5:2)
 - sifat khair ummah (3:110)
 - utamakan titik persamaan dengan pihak lain (3:64)
 - Piagam Madinah
 - kehidupan Muslim di Habshah

- Aktif menyumbang dalam masyarakat
 - bukan penerima dan penonton sahaja
 - bekerjasama dengan pelbagai pihak
 - > amr makruf dan nahi munkar
 - > maslahat bersama (common goods)
 - agen perubahan
 - pencipta sejarah
 - meninggalkan legasi yang baik (26:84)

- Bacaan
 - Kehidupan Bersama Antara Muslim dan Masyarakat Lain: Empat Model Dari Petunjuk Nabi s.a.w Bagi Meletak Asas dan Tujuan, <https://haniff.sg/buku-saya/buku-terjemahan-saya-kehidupan-bersama-antara-muslim-dan-masyarakat-lain-empat-model-dari-petunjuk-nabi-s-a-w-bagi-meletak-asas-dan-tujuan/>



KEHIDUPAN BERSAMA ANTARA
MUSLIM
DENGAN KAUM LAIN

*Empat Model Dari Petunjuk Nabi s.a.w.
Bagi Meletak Asas Dan Tujuan*


Oleh
Sheikh 'Ali Jum'ah
Terjemahan
Muhammad Haniff Hassan

10- Bersifat Membina

- Bertolak dari
 - prinsip aman
 - > jalin hubungan secara aman
 - > berusaha secara aman
 - > memelihara keamanan yang ada
 - ikut undang-undang
 - akur pada prinsip demokrasi
 - hormat pada perbezaan
 - kehidupan Muslim di Habshah

- “19. Tidak menjadikan persoalan khilafiyah sebagai bahan kontroversi, polemik dan pertelingkahan dalam masyarakat. Perbincangan secara objektif dan ilmiyah digalakkan pada tempat dan dengan mereka yang sesuai.”
- Asas pemikiran
 - anjuran berdakwah dengan cara hikmah, nasihat yang baik dan perdebatan yang terbaik (16:125)
 - anjuran berdialog dengan cara yang terbaik kecuali mereka yang zalim (29:46)
 - celaan terhadap sikap keras, kasar dan negatif (3:159)

- Berusaha untuk
 - pilih saluran / waktu yang sesuai dan terbaik
 - beri alternatif atau huraian, bukan hanya kritikan
 - kurangkan konflik, salah faham, polemik, kontroversi
- Bacaan
 - Kehidupan Bersama Antara Muslim dan Masyarakat Lain: Empat Model Dari Petunjuk Nabi s.a.w Bagi Meletak Asas dan Tujuan, <https://haniff.sg/buku-saya/buku-terjemahan-saya-kehidupan-bersama-antara-muslim-dan-masyarakat-lain-empat-model-dari-petunjuk-nabi-s-a-w-bagi-meletak-asas-dan-tujuan/>



Tamat

Terima Kasih